



26 JUN, 2022

Unjuran perbelanjaan subsidi RM77.3b tertinggi dalam sejarah

Berita Harian Ahad, Malaysia



Page 1 of 2

Unjuran perbelanjaan subsidi RM77.3b tertinggi dalam sejarah

Kuala Lumpur: Unjuran perbelanjaan subsidi kepenggunaan yang setakat ini berjumlah RM77.3 billion bagi 2022 adalah jumlah subsidi tertinggi dalam sejarah yang pernah ditanggung oleh mana-mana kerajaan, kata Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Menurut Menteri Kewangan, subsidi kepenggunaan berkenaan meliputi petrol, diesel, gas petroleum cecair (LPG), minyak masak, tepung dan elektrik bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Katanya, bil subsidi (tidak termasuk bantuan kebijakan) dari 2018 hingga 2022 bagi petrol, diesel dan LPG pada 2018 adalah RM7.4 billion, 2019 (RM6.1 billion), 2020 (RM1.6 billion) dan 2021 (RM13.2 billion).

Beliau memaklumkan, keperluan bagi 2022, iaitu unjuran sub-

sidi jika harga bersubsidi serta harga pasaran minyak, arang batu dan komoditi lain kekal pada paras semasa pula adalah sebanyak RM37.3 billion.

Subsidi bagi minyak masak paket sekilogram untuk 2018 pula sebanyak RM0.4 billion, 2019 (RM0.3 billion), 2020 (RM0.5 billion), 2021 (RM2.2 billion) dan keperluan bagi 2022 (RM4.0 billion), manakala subsidi elektrik, ayam, telur serta lain-lain bagi 2018 (RM0.5 billion), 2019 (RM0.9 billion), 2020 (RM0.6 billion), 2021 (RM1.1 billion) dan keperluan bagi 2022 (RM9.7 billion).

Keseluruhan subsidi tahunan bagi 2018 adalah RM8.3 billion, 2019 (RM7.3 billion), 2020 (RM2.7 billion), 2021 (RM16.5 billion) dan keperluan bagi 2022 (RM51 billion).

“Apabila ditambah dengan bantuan lain seperti Bantuan Ke-

bajikan Masyarakat, termasuk Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) sebanyak RM11.7 billion dan lain-lain subsidi sebanyak RM14.6 billion, jumlah keseluruhan subsidi setakat ini adalah RM77.3 billion bagi 2022,” katanya semalam.

Tengku Zafrul berkata, ia juga mengambil kira pengumuman

oleh kerajaan baru-baru ini mengenai bantuan tunai tambahan RM630 juta yang meningkatkan jumlah BKM Fasa 2 bagi golongan berpendapatan rendah kepada RM1.74 billion mulai 27 Jun lalu.

“Kedua adalah subsidi elektrik bernilai RM5.8 billion untuk separuh tahun kedua bagi me-

mastikan tiada kenaikan tarif elektrik mulai 1 Julai 2022,” katanya menambah, kerajaan peka dengan kenaikan harga komoditi dan kadar inflasi ekoran gangguan kepada rantauan bekalan global dan konflik Ukraine-Russia.

“Ia mengakibatkan impak ke naikan harga barangans asas kepada kebanyakan negara di seluruh dunia, termasuk Malaysia. Sehubungan itu, subsidi kerajaan bertujuan menampung kos sara hidup rakyat,” katanya.

Menegaskan golongan M40 dan T20 juga mendapat manfaat besar bagi subsidi menyeluruh meliputi petrol, diesel, air dan elektrik, beliau berkata, kementeriannya akan terus memantau faktor luaran yang boleh memberi impak negatif kepada ekonomi domestik bagi memastikan kos sara hidup rakyat terkawal.

Subsidi kepenggunaan berkenaan meliputi petrol, diesel, gas petroleum cecair (LPG), minyak masak, tepung dan elektrik bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat

*Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz,
Menteri Kewangan*





26 JUN, 2022

Unjuran perbelanjaan subsidi RM77.3b tertinggi dalam sejarah



Berita Harian Ahad, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Lumpur: Unjuran perbelanjaan subsidi kepenggunaan yang setakat ini berjumlah RM77.3 bilion bagi 2022 adalah jumlah subsidi tertinggi dalam sejarah yang pernah ditanggung oleh mana-mana kerajaan, kata Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz. Menurut Menteri Kewangan, subsidi kepenggunaan berkenaan meliputi petrol, diesel, gas petroleum cecair (LPG), minyak masak, tepung dan elektrik bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat.